

SOALAN NO. 24**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK DR. EWON BIN
EBIN [RANAU]**

TARIKH : 7 MAC 2018

SOALAN :

YB Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dana sebanyak RM20 juta yang diperuntukkan dalam Bajet 2018 bagi maksud penyukatan tanah adat di negeri Sabah telah memberikan impak yang besar kepada para pemohon tanah tersebut, adakah pihak Kerajaan akan menimbang untuk mengandakan lagi dana tersebut disebabkan keluasan tanah yang perlu disukat terlalu luas.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha pengukuran perimeter Tanah Hak Adat (*Native Customary Rights-NCR*) dilaksanakan secara berterusan dengan komitmen untuk memberi hak milik tanah kepada individu yang layak. Kerajaan Negeri Sabah telah menyasarkan sebanyak 110,000 hektar tanah untuk diukur dari tahun 2010-2020. Secara kumulatif, sejumlah 67,805.72 hektar (61.6%) tanah telah selesai diukur di antara tahun 2010-2017 dengan peruntukkan sebanyak RM97.48 juta. Bagi tahun 2018, Kerajaan Negeri Sabah telah diperuntukkan sebanyak RM20 juta dengan sasaran pengukuran sebanyak 17,000 hektar. Bagi mencapai sasaran pengukuran tersebut, perancangan akan dibuat supaya kerja-kerja pengukuran dapat diselesaikan.

Sekian, terima kasih.